

Jawapan ibu bapa bila anak tanya tentang *baby*

Perkembangan minda anak sewaktu lahirnya masih belum betul-betul sempurna. Ia mengalami perkembangan demi perkembangan sejajar dengan pertambahan usianya. Pada usia dua tahun dia mula membina persepsi tentang kehidupannya.

Contohnya, persepsi tentang cara berpakaian, cara bercakap dan sebagainya. Semua maklumat ini diperolehi daripada persekitaran dan orang-orang yang signifikan dengan dirinya iaitu ibu, bapa, nenek, atuk, adik-beradik, ibu bapa saudara, pembantu rumah dan mungkin ramai lagi dan yang penting orang-orang ini berada di dalam persekitarannya.

Sewaktu menjalani proses ini dia akan menemui pelbagai jenis kemungkinan sama ada yang menyenangkan, tak lupa juga yang amat membingungkan. Pada ketika ini anak-anak akan mula mengajukan pelbagai jenis soalan.

Hakikatnya persoalan yang diajukan mempunyai dua tujuan sama ada kategori ingin tahu atau inginkan perhatian. Jadi, ibu bapa perlu bijak mengkategorikan persoalan anak dan memberi penyelesaian yang tepat untuk setiap persoalannya.

Bagi kategori pertama, pakar mengatakan bahawa persoalan yang diajukan oleh anak hakikatnya timbul sejajar dengan usianya. Contohnya, umur dua tahun lazimnya mengajukan soalan apa. Ini kerana anak-anak ini masih bergantung kepada pengetahuan terhadap benda yang boleh dilihat atau benda yang bersifat konkrit. Tambahan pula pada ketika ini perbendaharaan kata dan kosa katanya belum begitu banyak.

Jadi persoalannya lebih kepada apa. Jawapan yang perlu diberikan oleh ibu bapa adalah sejenis jawapan yang boleh menambah kosa katanya. Contohnya, jika anak tanyakan itu apa? Jawapan masih

Sebagai ibu bapa Muslim, dalam setiap jawapan yang diberikan lihatlah ia sebagai salah satu cara untuk memberikan pendidikan tauhid dalam diri anak. Kaitkan semua jawapan dengan Yang Maha Pencipta.

bersifat 'direct' itu kereta, dan sebagainya.

Manakala anak yang berusia tiga tahun pula suka mengajukan persoalan kenapa. Seiring dengan perkembangan mindanya yang sedikit kompleks dia memerlukan penjelasan kepada apa yang sedang dialami dan ibu bapa perlu menyediakan penjelasan tersebut untuk membantu anak memahami apa yang sedang dilalui.

Contohnya, kenapa perlu makan? Jadi jawapan yang perlu kita berikan ialah penjelasan keperluan makan. "Kakak perlu makan untuk jadi sihat dan kuat, bila sihat barulah seronok main".

Penjelasan atau penyelesaian

Seterusnya, bagi anak berumur empat tahun dan ke atas, mindanya mula mengetahui adanya perkara lain di sebalik semua perkara yang ada sekarang contohnya adanya asal usul kejadian, perbezaan antara dua perkara dan pelbagai perkara yang lebih kompleks. Jadi persoalannya selalu dimulakan dengan "bagaimana."

Jawapan yang harus diberikan sama ada berbentuk penjelasan atau memberi penyelesaian. Contohnya, "Macam mana



**PENSYARAH DI
UNIVERSITI SAINS
ISLAM MALAYSIA,
NAFLIQ ASAH
FASEHRAH MUIHAIMI**

baby keluar dari perut mama?" Persoalan sebegini seharusnya dijawab mengikut kepada tahap pemahaman anak, setakat mana dia mampu menerima dan pada tahap mana dia boleh mengetahui sejajar dengan usianya. Contoh jawapan, "nanti doktor akan tolong keluarkan baby".

Jika anak boleh menerima jawapan ini, dia akan mula beralih kepada soalan lain yang lebih mudah seperti "baby nangis tak nanti?" Namun jika dia masih belum berpuas hati dia akan terus mengajukan soalan seperti "Doktor buat apa?". Pada waktu ini ibu perlu menilai sejauh mana anak perlu tahu. Berilah jawapan yang sesuai dengan tahapnya, ataupun alihkan perhatian anak dengan penjelasan yang mengaitkan dirinya dan membawa kepada persoalan yang lebih mudah.

Contoh, "Doktor tolong keluarkan baby, macam Zaidan dulu, doktor tolong keluarkan Zaidan, Zaidan nangis kuat sangat." Perhatian anak ketika ini akan beralih kepada subjek yang lebih penting iaitu dirinya.

Walau bagaimanapun, jika terlalu banyak soalan diajukan atau soalan yang diajukan terlampau pelik dan tak mampu dijawab, cuba selidik apa yang sedang kita lakukan ketika menjawab soalannya. Cuba ubah kepada cara yang lebih baik dengan memberikan perhatian kepadanya.

Tinggalkan sebentar apa yang sedang kita lakukan dan mula bermain dengannya. Ini kerana pada waktu ini mungkin jawapan tadi sudah tidak penting kerana mungkin anak-anak telah masuk ke dalam kategori kedua iaitu bertanya kerana inginkan perhatian. Berilah perhatian tersebut kepadanya kerana dia berhak memilikinya.

Sebagai ibu bapa Muslim, dalam setiap jawapan yang diberikan lihatlah ia sebagai salah satu cara untuk memberikan pendidikan tauhid dalam diri anak. Kaitkan semua jawapan dengan Yang Maha Pencipta. Gunakan kreativiti yang rakan pembaca miliki, biarlah si kecil ini memahami keesaan dan kebesaran Pencipta-Nya dan mengimaninya. ■